

Penuntut PACE UUM tabur bakti

Mahaizura Abd Malik

mahaizura@hmetro.com.my



MAHASISWI UUM menyampaikan sumbangan barangan persekolahan kepada Yayasan Anak-Anak Yatim/Piatu Islam Port Dickson. FOTO Ihsan PACE UUM

Kuala Lumpur: Terkesan dengan nasib menimpa golongan kurang bernasib baik terutama yang terjejas Covid-19, sekumpulan penuntut Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Utara Malaysia (PACE UUM) memulakan inisiatif menyantuni golongan berkenaan, Ahad lalu.

Pengarah Program, Mohd Affizul Rosli berkata, kumpulan mereka terdiri daripada penuntut Ijazah Sarjana Muda Kewangan dan Perbankan Islam PACE UUM di bawah Yayasan Bank Rakyat memulakan inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) itu menerusi Program 'Tautan Kasih Eratkan Ukhwah II'.

Katanya, menerusi inisiatif itu mereka menjalankan tiga program khidmat masyarakat secara serentak di sekitar Port Dickson, Negeri Sembilan.

"Program pertama iaitu pemberian bakul makanan bernilai keseluruhan RM500 kepada sepuluh 10 keluarga yang terpilih dari Kampung Bagan Pinang dan Kampung Baru Sri Rusa.

"Penerima sumbangan adalah dalam kalangan golongan B40, fakir miskin dan ibu tunggal yang terjejas terutama kesan daripada pandemik Covid-19," katanya.

Menurutnya, penuntut turut menjalankan gotong royong dan melakukan sanitasi di sekitar kawasan Surau Al-Hijrah Bandar Springhill, Port Dickson dengan kerjasama ahli jawatankuasa surau berkenaan.

"Aktiviti ini bertujuan menjaga kebersihan dan keselesaan jemaah surau untuk menunaikan ibadah.

"Di samping itu juga, sumbangan alat pemijak manual sanitasi turut diserahkan kepada Pengerusi Surau, Ramli Ismail bagi memudahkan jemaah surau melakukan sanitasi tanpa sentuh," katanya.

Selain itu katanya, pihaknya turut menyampaikan sumbangan barangan keperluan sekolah kepada 50 anak yatim berusia antara tujuh hingga 12 tahun bagi meringankan beban Yayasan Anak-Anak Yatim Piatu Islam Port Dickson.

"Pada masa sama, sumbangan bernilai RM3,945 turut diserahkan kepada Yayasan Anak-Anak Yatim Piatu Islam Port Dickson untuk membantu pembangunan pendidikan, kemudahan prasarana dan keperluan kebajikan anak-anak yatim berkenaan.

"Jumlah sumbangan yang berjaya diperolehi ini adalah hasil kerjasama penuntut PACE UUM yang membuat kutipan dana daripada pihak luar yang terdiri daripada individu dan pertubuhan bukan berkanun.

"Sumbangan ini diharapkan dapat membantu pihak yayasan dan meringankan beban perbelanjaan ditanggung mereka," katanya.

Disiarkan pada: Januari 5, 2022 @ 2:47pm